KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **2 SEPTEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Op Tiris 3.0 rampas barang kawalan, bersubsidi RM80j

## KPDN tahan 496 individu dalam 29,487 pemeriksaan di seluruh negara

**Kudat:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menahan 496 individu dan merampas barang kawalan dan bersubsidi bernilai RM80.11 juta dalam Op Tiris 3.0 yang dijalankan antara 1 Januari hingga 28 Ogos lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata dalam tempoh sama, sejumlah 29,487 pemeriksaan diadakan di seluruh negara dan sebanyak 2,005 kes direkodkan.

Beliau berkata, pelaksanaan Op Tiris 3.0 penting dalam usaha mengekang kegiatan penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi meliputi bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak bungkusan polibeg satu kilogram (kg), gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis satu kg.

"Kementerian akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan, termasuk memperkasakan kerjasama dengan agensi berkaitan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Sentuhan Kasih dan Advokasi Kepenggunaan di sini, semalam.

Yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Kapor, Ben Chong.



*Armizan berswafoto bersama pengunjung selepas merasmikan Program Sentuhan Kasih dan Advokasi Kepenggunaan di Kudat, semalam.*
(Foto ihsan FB Armizan Mohd Ali)

Armizan berkata, KPDN bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan, pada 23 Ogos lalu.

Beliau berkata, dalam serbuan terbabit, sebanyak 180,200kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama disita, selain kenderaan dan beberapa dokumen seperti invois jualan dan belian.

"Nilai keseluruhan rampasan dalam operasi itu dianggarkan berjumlah hampir RM500,000," katanya sambil menambah seorang lelaki tempatan dan dua lelaki warga asing ditahan untuk membantu siasatan.

### Siasat dalang

Armizan berkata, hasil siasatan awal mendapati aktiviti yang disyaki didalangi syarikat pemborong minyak masak yang berlesen ini bertujuan menyeleweng dan memindahkan minyak masak bersubsidi bungkusan polibeg satu kilogram bagi jualan pada harga lebih tinggi daripada harga kawalan, selain diseludup ke negara jiran.

Beliau berkata, siasatan sedang dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, termasuk bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terbabit dalam aktiviti haram ini serta rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi itu.

"Kementerian ingin mengingatkan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pembekalan dan pengedaran minyak masak bersubsidi polibeg satu kilogram agar lebih bertanggungjawab dalam memastikan subsidi ini benar-benar sampai kepada golongan sasar.

"Selain pemborong dan peruncit, pihak syarikat pembungkus juga tidak boleh lepas tangan dan perlu bertanggungjawab dalam memastikan tidak berlakunya ketirisan," katanya.

Beliau berkata, syarikat pembungkus akan turut disiasat sekiranya sesuatu jenama yang disyaki terbabit dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan dirampas dalam mana-mana operasi penguatkuasaan.

BERNAMA

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 16

496 individu ditahan dalam Op Tiris 3.0 sejak Januari hingga 28 Ogos

# Barang RM80.11 juta dirampas

Oleh IVAN AMIRUL




ORANG ramai tidak melepaskan peluang membeli barangan keperluan pada Program Sentuhan Kasih Bertemu Masyarakat di Dewan Tomborungus, Kudat semalam.

**KUDAT** – Sebanyak 2,005 kes direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM80.11 juta melalui pelaksanaan Ops Tiris 3.0 bermula 1 Januari sehingga 28 Ogos lalu.

Pada masa sama, 496 individu ditahan melibatkan rakyat tempatan dan warga asing.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, penyelewengan membabitkan bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak sekilogram (kg), gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis satu kg.

Menurutnya, 29,487 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara.

"Pemeriksaan ini bagi mengekang kegiatan penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan subsidi.

"KPDN akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan termasuklah memperkasakan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan," katanya selepas merasmikan Program Sentuhan Kasih Bertemu Masyarakat dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Dewan Tomborungus, di sini semalam.

Sementara itu, Armizan memaklumkan pihaknya bersama polis berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan ke atas tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan pada 23 Ogos lalu.

Menurutnya, sebanyak 180,200 kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama telah disita dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM490,500.

"Seorang lelaki warga tempatan berumur 32 tahun bersama dua lelaki warga asing yang juga merupakan pekerja syarikat berkenaan telah ditahan.

"Hasil siasatan awal mendapati aktiviti disyaki didalangi syarikat pemborong minyak masak yang berlesen bertujuan menyeleweng dan memindahkan minyak masak bersubsidi bungkusan polibeg satu kg untuk jualan pada harga lebih tinggi daripada harga kawalan selain diseludup keluar ke negara jiran.

"Siasatan dibuat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) termasuk bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram serta rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi terbabit," katanya.

TELUS & TULUS Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 6

# 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas

Sepanjang tempoh pelaksanaan Op Tiris 3.0 bermula 1 Januari sehingga 28 Ogos lalu

KUDAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menahan 496 individu dan merampas barang kawalan dan bersubsidi bernilai RM80.11 juta dalam Op Tiris 3.0 yang dijalankan antara 1 Januari hingga 28 Ogos lepas.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, dalam tempoh sama, 29,487 pemeriksaan diadakan di seluruh negara dan sebanyak 2,005 kes direkodkan.

Beliau berkata, pelaksanaan Op Tiris 3.0 penting dalam usaha mengekang kegiatan penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi meliputi bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak bungkusan polibeg 1 kilogram (kg), gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis 1kg.

"Kementerian akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan termasuk memperkasa kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Sentuhan Kasih dan Advokasi Kepenggunaan di sini pada Ahad.



ARMIZAN

Armizan berkata, KPDN bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan pada 23 Ogos lepas.

Beliau berkata, dalam serbuan terbabit, sebanyak 180,200kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama disita selain kenderaan dan beberapa dokumen seperti invois jualan dan belian.

"Nilai keseluruhan rampasan dalam operasi itu dianggarkan berjumlah hampir RM500,000," jelasnya sambil menambah seorang lelaki tempatan dan dua lelaki warga asing ditahan untuk membantu siasatan.

Armizan berkata, hasil siasatan awal mendapati aktiviti disyaki didalangi syarikat pemborong minyak masak yang berlesen ini bertujuan menyeleweng dan memindahkan minyak masak bersubsidi bungkusan polibeg 1kg bagi jualan pada harga lebih tinggi daripada harga kawalan selain diseludup ke negara jiran.

Beliau berkata, siasatan sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 termasuk bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 2

# RM80m subsidised goods seized so far: Armizan

**Patimang Abdul Ghani**



KUDAT: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) arrested a total of 496 individuals and confiscated controlled and subsidised goods worth RM80.11 million in Ops Tiris 3.0 from January to August last year.

Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali (**pic**), said in the same period, a total of 2,005 cases were recorded as a result of 29,487 inspections that had been carried out nationwide.

Armizan stressed that the efforts to curb the activities of diversion or smuggling of controlled goods and subsidised controlled goods include diesel, RON95, 1kg cooking oil in polybags, liquefied petroleum gas (LPG), wheat flour and 1kg refined white sugar.

"KPDN will continue to improve enforcement agility including strengthening cooperation with related agencies," he told the media after completing the Sentuhan Kasih and Consumer Advocacy Program at Dataran Tomborungus, near here, Sunday.

Also present were Tanjung Kapor State Assembly Member, Chong Chen Bin @ Ben Chong, and Tanjung Kapor Community Development Leader, Norlizah Gurahman.

Armizan said, on Aug 23, 2024, the KPDN together with the Royal Malaysian Police (PDRM) had successfully broken a subsidised cooking oil embezzlement syndicate as a result of raids on three separate premises in Nilai, Negeri Sembilan.

He said, in the raid, a total of 180,200kg of subsidised cooking oil of various brands in addition to vehicles as well as several documents such as sales and purchase invoices were seized with the total value of the seizure in the operation estimated at RM490,500.

In the raid, they arrested a 32-year-old local man along with two foreign men who were also employees of the company and were arrested to help with the investigation.

"As a result of the initial investigation, the activity, suspected to have been masterminded by the licensed cooking oil wholesale company was aimed at diverting and transferring (decanting) subsidised cooking oil in 1kg polybag packages for sale at a price higher than the control price in addition to being smuggled out to neighbouring countries."

Investigations are being carried out under the Supply Control Act 1961 including to identify individuals or other companies involved in this illegal activity as well as the subsidized cooking oil distribution chain.

"KPDN would like to remind all parties involved in the supply chain and distribution of subsidized 1kg polybag cooking oil to be more responsible in ensuring that this subsidy really reaches the target group.

"In addition to wholesalers and retailers, packaging companies (repackers) also cannot let go and must be responsible in ensuring that leakage does not occur.

He said repackers will also be investigated if a brand suspected of being involved in embezzlement and smuggling is seized in any enforcement operation.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 2

# 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris – Armizan

Patimang Abdul Ghani

KUDAT: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menahan seramai 496 individu serta merampas barang kawalan dan bersubsidi bernilai RM80.11 juta dalam Ops Tiris 3.0 sejak Januari hingga Ogos tahun lepas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, dalam tempoh sama, sebanyak 2,005 kes direkodkan hasil daripada 29,487 pemeriksaan yang telah dilaksanakan di seluruh negara.

Armizan berkata usaha tersebut bagi mengekang kegiatan penyelewengan atau penyeludupan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi meliputi bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak polibeg 1kg, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis 1kg.

"KPDN akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan termasuk memperkasa kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan," katanya kepada media selepas menyempurnakan Program Sentuhan Kasih dan Advokasi Kepenggunaan di Dataran Tomborungus, dekat sini pada Ahad.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Kapor, Chong Chen Bin @ Ben Chong dan Pemimpin Pembangunan Masyarakat Tanjung Kapor, Norlizah Gurahman.




ARMIZAN menetapkan harga lebih rendah untuk beberapa jenis barang dalam Jualan Rahmah di Kudat.

Armizan berkata, pada 23 Ogos 2024, KPDN bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi hasil serbuan tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, dalam serbuan itu, sebanyak 180,200 kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama selain kenderaan serta beberapa dokumen seperti invois jualan dan belian disita dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM490,500.

Dalam serbuan tersebut, pihaknya juga menahan seorang lelaki warga tempatan berumur 32 tahun bersama dua lelaki warga asing yang juga merupakan pekerja syarikat berkenaan telah ditahan bagi membantu siasatan.

"Hasil siasatan awal, aktiviti yang disyaki telah didalangi oleh syarikat pemborong minyak masak berlesen itu adalah bertujuan menyeleweng dan memindahkan (decanting) minyak masak bersubsidi polibeg 1kg untuk jualan pada harga lebih tinggi daripada harga kawalan selain diseludup keluar ke negara jiran," katanya.

Menurut Armizan, siasatan sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 termasuk bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini serta rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi itu.

"KPDN ingin mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam rantaian pembekalan dan pengedaran minyak masak bersubsidi polibeg 1kg untuk lebih bertanggungjawab dalam memastikan subsidi ini benar-benar sampai kepada golongan sasar.

"Selain pemborong dan peruncit, pihak syarikat pembungkus juga tidak boleh lepas tangan dan perlu bertanggungjawab dalam memastikan tidak berlakunya ketirisan.

Katanya, syarikat pembungkus akan turut disiasat sekiranya sesuatu jenama yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan dirampas dalam mana-mana operasi penguatkuasaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN beri peringatan agar subsidi sampai kepada golongan sasar

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KUDAT:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam rantaian pembekalan dan pengedaran minyak masak bersubsidi polibeg satu kilogram (kg) untuk lebih bertanggungjawab dalam memastikan subsidi berkenaan benar-benar sampai kepada golongan sasar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, bermula 1 Januari 2024, KPDN melaksanakan Op Tiris 3.0 bagi mengekang kegiatan penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

Katanya, ia meliputi bahan api diesel, petrol RON95, minyak masak bungkusan polibeg satu kilogram, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan gula putih bertapis satu kilogram.

Menurutnya, berdasarkan statistik penguatkuasaan Op Tiris 3.0 dari 1 Januari 2024 hingga 28 Ogos 2024, sebanyak 29,487 pemeriksaan dilaksanakan di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 2,005 kes direkodkan dengan 496 individu berjaya ditangkap melibatkan warga tempatan dan warga asing dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM80.11 juta.



**AKTIVITI:** Armizan (tengah) sempat beramah mesra dengan pengunjung sempena Program Sentuhan Kasih Bertemu Masyarakat dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Kudat.

"KPDN akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan termasuk memperkasa kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan," katanya sempena Program Sentuhan Kasih Bertemu Masyarakat dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di sini semalam.

Beliau berkata, selain pemborong dan peruncit, pihak syarikat pembungkus (repackers) juga tidak boleh lepas tangan dan perlu bertanggungjawab dalam memastikan tidak berlakunya ketirisan.

Armizan berkata, syarikat pembungkus akan turut disiasat sekiranya sesuatu jenama yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan dirampas dalam mana-mana operasi penguatkuasaan.

Dalam pada itu jelasnya, pada 23 Ogos lepas, KPDN bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya mematahkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan ke atas tiga premis berasingan di Nilai, Negeri Sembilan.

Menurutnya, dalam serbuan terbabit, sebanyak 180,200kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama disita, selain kenderaan dan beberapa dokumen seperti invois jualan dan belian.

"Nilai keseluruhan rampasan dalam operasi itu dianggarkan berjumlah RM490,500. Bagi membantu siasatan, seorang lelaki warga tempatan berumur 32 tahun bersama dua orang lagi lelaki warga asing yang juga pekerja syarikat berkenaan ditahan.

"Hasil siasatan awal, aktiviti yang disyaki didalangi oleh syarikat pemborong minyak masak yang berlesen ini adalah bertujuan menyeleweng dan memindahkan minyak masak bersubsidi bungkusan polibeg satu kilogram untuk jualan pada harga lebih tinggi daripada harga kawalan selain diseludup ke negara jiran," katanya.

Beliau berkata, siasatan sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] termasuk bagi mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini serta rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi itu.

南洋商報
NANYANG SIANG PAU
HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 3

## 内贸部“纰漏行动3.0”

# 森捣破滥用补贴食油集团



阿米占（中）提醒包装食油公司勿涉滥用和走私活动。右为丹绒加布区州议员张振彬。

（古达1日讯）国内贸易及生活成本部为遏制统制品和补贴物品遭滥用和走私，从1月至8月28日止展开了“纰漏行动3.0”(Op Tiris)，当中更在森美兰汝来3个不同地点，捣破一个滥用补贴食用油集团。

内贸部长拿督阿米占莫哈末阿里说，内贸部和警方于8月23日联手突击上述集团营运据点。

“执法单位在现场充公了各种品牌约18万200公斤的补贴食用油、交通工具，以及一些文件如买卖发票等。”

他今日为一项消费宣导活动主持开幕礼后，对媒体这么说。

阿米占表示，在该行动充公的物品总值将近50万令吉，同时也逮捕一名本地男子和两名外籍男子协助调查。

### 8个月捕496人

他说，初步调查结果发现，疑是拥有执照的食用油批发公司主导此活动，把1公斤袋装的补贴食用油以高于管制价格出售及走私到邻国。

“执法单位正援引1961年供应管制法令展开调查，包括鉴定参与此非法活动和补贴食用油分销链的其他人士或公司。”

阿米占强调，若执法行动发现某个品牌涉嫌参与不法活动，负责包装的公司也将受到调查。

“纰漏行动3.0”在长达8个月执法中，也逮捕了496人及充公价值8011万令吉的统制品和补贴物品。

这段期间，执法组在全国进行了2万9487次检查，并录得2005宗案件。

阿米占指出，展开上述取缔行动至关重要，旨在遏制统制品和补贴物品遭滥用和走私，当中涉及产品包括1公斤袋装食用油、液化天然气、1公斤包装面粉及白糖。

“内贸部将继续提高执法行动，包括加强与相关机构的合作。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 4




阿米占：若某牌子食用油涉嫌倒卖和走私，包装公司将被调查。右为丹絨加布区州议员张振彬。（阿米占供图）

# 內貿部：8個月3萬次檢查

# 倒賣津貼物品捕496人

（古达1日讯）国内贸易及生活费部在今年1月至8月28日期间开展的“纰漏行动3.0”（Op Tiris）中，逮捕了496人，起获受管制和津贴物品总值8011万令吉。

## 起获值8011万物品

内贸部长拿督阿米占表示，同一时期内，内贸部在全国进行了2万9487次检查，并记录了2005宗案件。

他说，“纰漏行动3.0”对于遏制受管制和津贴物品的贪污和走私活动至关重要。

这些物品包括柴油、RON95汽油、1公斤袋装食油、液化石油气、面粉和1公斤装白糖。

阿米占今日在古达主持内贸部关爱社区与挥动辉煌条纹活动时对记者说，内贸部将继续加强执法力度，并与相关机构深化合作。

## 破走私津贴食油集团

同时，他提到内贸部与警方合作，于8月23日在森美兰的汝来市突击3个地点，瓦解一个倒卖津贴食油集团。

他指出，执法人员扣押了18万零200公斤不同牌子的津贴食油，以及车辆和包括买卖发票在内的多份文件。

“此次行动的没收物品总值约为50万令吉，同时1名本地男子和2名外国男子被捕以协助调查。”

阿米占指出，初步调查显示，该集团疑是由一家持牌食油批发公司主导，目的是倒卖1公斤袋装津贴食油，以高于受管制价格转售，甚至走私到邻国。

他说，内贸部援引1961年管制供应法令跟进调查，包括找出有份参与的个人或公司，以及倒卖津贴食油的分销链。

他提醒参与1公斤袋装津贴食油供应和分销链的各方要加强责任心，确保政府津贴措施真正惠及目标群体。

“除了批发商和零售商，包装公司也必须负责，确保不会有纰漏。”

阿米占强调，如果在任何执法行动中发现某一牌子包装食油遭倒卖和走私，有关包装公司也将被调查。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光華日報

HARI: ISNIN

TARIKH: 2/9/2024

M/SURAT: 5

## 贸生部严打统制品津贴品走私行动

# 漏网行动3.0逮496人

（古达 1 日讯）国内贸易与生活成本部（KPDN）在今年 1 月 1 日至 8 月 28 日进行的“漏网行动 3.0”中，共拘捕 496 人，并充公价值 8011 万令吉的统制品及津贴商品。



阿米占。（档案照）

国内贸易与生活成本部长拿督阿米占表示，该部门在这期间一共展开 2 万 9487 次的检举行动，一共开案调查 2005 宗案件。

阿米占在周日出席一项消费事务亲善活动时这样表示。

他表示，漏网行动 3.0 是严打涉及柴油、RON95 汽油、1 公斤包装的食用油、液化石油气（LPG）、面粉和 1 公斤精制白糖等的统制品及补贴商品的走私活动。该部将继续与各相关部门及执法单位合作，加强执法力度。

他也提及，该部门与警方在 8 月 23 日在森美兰州汝来区的三个地点，成功捣毁一起津贴食用油滥权活动，充公将近 50 万令吉的商品，包括 18 万 200 公斤各种品牌的补贴食用油、车辆和一些文件。同时，也在案件中扣查一名本地男子和两名外国男子协助调查。

阿尔占表示，经初步调查显示，是有一家持有执照的食用油批发公司主导，以将 1 公斤包装的补贴食用油转移，并以高于统制品价格的售价走私到邻国。

他补充说，该部门援引 1961 年统制品法令进行调查案件是否汲走私以及其他相关的销售链接。

他提醒所有参与 1 公斤补贴食用油的批发商或零售商、包装公司等，都不能置身事外视之不理，而是要负起责任，确保补贴确实惠及目标群体。若在执法行动中，某个品牌涉嫌参与滥权或走私活动，包装商也会受到调查。#

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 4



■阿米占（左3）与嘉宾挥动辉煌条纹。

# 沙盟開放態度合作

（古达1日讯）沙盟（GRS）副总秘书拿督阿米占指出，该联盟需以开放态度和获得沙巴人支持的政党合作，特别是在即将到来的州选时。

他指出，尽管沙盟是由沙巴本土政党组成的联盟，但在决定与哪些政党合作时，应考量民众的意愿和支持，只要有一个全国政党在沙巴获得广泛支持，沙盟就应与他们合作，以形成政治稳定。

阿米占也是国内贸易及生活成本部长，他在今日出席关爱社区与挥动辉煌条纹活动後，如是指出。

“不过我要强调，所有合作都取决於沙盟中央领导层的共识和决定。

“州政府的核心应该是本土政党，这是沙盟在评估与其他政党合作时须坚持的三大原则之一。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 5

# 遏制走私受管制津貼物品
# 紕漏行動至今逮496人

（古达1日讯）国内贸易及生活费部在今年1月至8月28日期间开展的“纰漏行动3.0”（Op Tiris）中，逮捕了496人，起获受管制和津贴物品总值8011万令吉。




■阿米占（右二）在古达主持爱心促销限时低价活动。（图：阿米占）

内贸部长拿督阿米占表示，同一时期内，内贸部在全国进行了2万9487次检查，并记录了2005宗案件。

他说，“纰漏行动3.0”对于遏制受管制和津贴物品的贪污和走私活动至关重要。

这些物品包括柴油、RON95汽油、1公斤袋装食油、液化石油气、面粉和1公斤装白糖。

阿米占今日在古达主持内贸部关爱社区与挥动辉煌条纹活动时对记者说，内贸部将继续加强执法力度，并与相关机构深化合作。

同时，他提到内贸部与警方合作，于8月23日在森美兰的汝来市突袭3个地点，瓦解一个滥用津贴食油集团。

他指出，执法人员扣押了18万零200公斤不同牌子的津贴食油，以及车辆和包括买卖发票在内的多份文件。

## 起获8千万元津贴物品

“此次行动的没收物品总值约为50万令吉，同时1名本地男子和2名外国男子被捕以协助调查。”

阿米占指出，初步调查显示，该集团疑是由一家持牌食油批发公司主导，目的是滥用1公斤袋装津贴食油，以高于受管制价格转售，甚至走私到邻国。

他说，内贸部援引1961年管制供应法令跟进调查，包括找出有份参与的个人或公司，以及滥用津贴食油的分销链。

他提醒参与1公斤袋装津贴食油供应和分销链的各方要加强责任心，确保政府津贴措施真正惠及目标群体。

“除了批发商和零售商，包装公司也必须负责，确保不会有纰漏。”

阿米占强调，如果在任何执法行动中发现某一牌子包装食油遭滥用和走私，有关包装公司也将被调查。(BPK)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/9/2024
M/SURAT: 11

# Kenakan cukai pada peniaga tepi jalan

**SAUDARA PENGARANG,**

**KERAJAAN** perlu mengenakan cukai terhadap penjaja di tepi jalan yang berniaga di bawah khemah atau meja tetapi mampu pakai gelang emas sehingga ke siku.

Peniaga tepi jalan ini tidak membayar sewa, berniaga dalam van, pacak khemah atas tanah kerajaan, tiada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selain mengaut keuntungan 100 peratus atas angin.

Kerajaan boleh mula mengenakan cukai bukan sahaja terhadap peniaga dalam talian malahan penjaja tepi jalan tidak kira mereka berniaga pacak khemah, mendirikan premis kekal atau setakat buka meja.

Tidak adil bagi penjawat awam dan swasta yang bekerja bertungkus lumus dari pagi hingga ke petang dikenakan cukai tetapi perkara sebaliknya tidak kepada penjaja.

Berdasarkan pemerhatian, saya dapati di beberapa kawasan seperti di Ara Damansara terdapat peniaga yang degil mendirikan premis niaga kekal dan beranggapan tanah kerajaan adalah tanah mereka.

Mereka tidak membayar sewa kedai tetapi keuntungan berlipat kali ganda. SPRM tolong siasat.

Sudah bertahun-tahun makin lama makin ramai yang berniaga sebab suka tak payah bayar sewa dan keuntungan atas angin. Mohon siasatan satu Malaysia.



**KERAJAAN boleh melihat keperluan mengenakan cukai kepada golongan penjaja.** – GAMBAR HIASAN

**PEMBAYAR CUKAI SETIA**
Kuala Lumpur

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 2-Sep | KPDN Pahang lupus barang rampasan lebih RM809,205 | https://www.sinarharian.com.my/article/683053/berita/semasa/kpdn-pahang-lupus-barang-rampasan-lebih-rm809205 | SINAR HARIAN |
| 2-Sep | Stesen Petronas Limbang kehabisan bekalan RON95 sejak malam Khamis | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/30/stesen-petronas-limbang-kehabisan-bekalan-ron95- | UTUSAN BORNEO |
| 2-Sep | Kes seludup diesel bersubsidi di Sibu, pengusaha stesen minyak dibebas dengan jaminan SPRM | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/30/kes-seludup-diesel-bersubsidi-di-sibu-pengusaha-stesen-minyak-dibebas-dengan-jaminan- | UTUSAN BORNEO |
| 2-Sep | Suspek lelaki kes sindiket seleweng diesel dibebas dengan jaminan SPRM | https://utusansarawak.com.my/suspek-lelaki-kes-sindiket-seleweng-diesel-dibebas-dengan-jaminan-sprm/ | UTUSAN SARAWAK |
| 2-Sep | Kuala Lumpur antara 100 teratas kluster sains dan teknologi terbaik dunia | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kuala-lumpur-antara-100-teratas-kluster-sains-dan-teknologi-terbaik- | ASTRO AWANI |
| 2-Sep | Kedai dobi tanpa lesen boleh mengundang risiko keselamatan | https://sabahmedia.com/2024/08/30/kedai-dobi-tanpa-lesen-boleh-mengundang-risiko- | SABAH MEDIA |
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris | https://www.buletintv3.my/nasional/96-ditahan-rm80-11-juta-barangan-dirampas-dalam-op-tiris/ | BULETIN TV3 |
| 2-Sep | 496 DITAHAN, RM80.11 JUTA BARANGAN DIRAMPAS DALAM OP TIRIS - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2335699 | BERNAMA |
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris | https://www.tvsarawak.my/2024/09/01/496-ditahan-rm80-11-juta-barangan-dirampas-dalam-op- | TV SARAWAK |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barang dirampas dalam Op Tiris 3.0 | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1129382/496-ditahan-rm8011-juta-barang-dirampas-dalam-op-tiris-30 | HARIAN METRO |
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris - Menteri | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1292670/496-ditahan-rm8011-juta-barangan-dirampas-dalam-op-tiris-menteri | BERITA HARIAN |
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris: Armizan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/01/496-ditahan-rm8011-juta-barangan-dirampas-dalam-op-tiris-armizan | UTUSAN BORNEO |
| 2-Sep | Op Tiris: Lebih RM80 juta barang kawalan, subsidi dirampas, 496 individu ditahan | https://selangorkini.my/2024/09/op-tiris-lebih-rm80-juta-barang-kawalan-subsidi-dirampas-496-individu-ditahan/ | SELANGOR KINI |
| 2-Sep | 496 Ditahan, RM80.11 Juta Barangan Dirampas Dalam Ops Tiris | https://sabahnews.com.my/496-ditahan-rm80-11-juta-barangan-dirampas-dalam-ops-tiris/ | SABAH NEWS |
| 2-Sep | 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas dalam Op Tiris - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/496-ditahan-rm8011-juta-barangan-dirampas-dalam-op-tiris-armizan-486007 | ASTRO AWANI |
| 2-Sep | Ops Tiris: KPDN tahan 496 individu, rampas barangan bernilai RM80.11 juta | https://malaysiagazette.com/2024/09/01/ops-tiris-kpdn-tahan-496-individu-rampas-barangan-bernilai-rm80-11-juta/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 2-Sep | Op Tiris : 496 ditahan, RM80.11 juta barangan dirampas | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/op-tiris-496-ditahan-rm80-11-juta-barangan-dirampas | BERITA RTM |
| 2-Sep | Syarikat pembungkus minyak masak (repackers) tidak terlepas siasatan kes ketirisan | https://sabahmedia.com/2024/09/01/syarikat-pembungkus-minyak-masak-repackers-tidak-terlepas-siasatan-kes-ketirisan/ | SABAH MEDIA |
| 2-Sep | KPDN, PDRM tumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-pdrm-tumpaskan-sindiket-penyelewengan-minyak-masak-bersubsidi | BERITA RTM |
| 2-Sep | KPDN beri peringatan agar subsidi sampai kepada golongan sasar | https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/01/kpdn-beri-peringatan-agar-subsidi-sampai-kepada-golongan-sasar | UTUSAN BORNEO |
| 2-Sep | Dua lelaki ditahan sembunyi diesel subsidi belakang pikap | https://www.tvsarawak.my/2024/09/01/dua-lelaki-ditahan-sembunyi-diesel-subsidi-belakang-pikap/ | TV SARAWAK |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT